

Lawatan 30 duta asing ke Labuan ditangguh

Oleh Henry Bating

LABUAN: Kementerian Luar Negeri menangguhkan lawatan Perwakilan Duta Asing ke pulau ini yang dijadual berlangsung 13-15 Mac berikutan isu semasa berkaitan wabak COVID-19 yang semakin menular di seluruh dunia.

Kenyataan dari Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan menyatakan penangguhan itu juga dibuat disebabkan angka jangkitan di negara ini cenderung meningkat.

"Maka kita mengambil maklum berhubung kekhawatiran seluruh warga Labuan terhadap isu ini," kata sumber itu kepada media semalam.

Menurut sumber itu, lawatan berkenaan akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Lawatan Perwakilan Duta Asing ke WP Labuan itu dijadual melibatkan 30 duta bersama pasangan yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan diiringi pegawai dari Kementerian Luar Negeri.

Kenyataan itu menjelaskan lawatan berkenaan merupakan program tahunan Kementerian Luar Negeri kepada duta-duta asing untuk memperkenalkan tempat-tempat lain di negara ini selain Kuala Lumpur.

"Bagi peringkat WP Labuan, perancangan bagi menyambut lawatan perwakilan duta asing melibatkan beberapa agensi kerajaan, swasta, NGO's, persatuan dan kalangan individu berkaitan," katanya.

Perbadanan Labuan berharap kerjasama dan sokongan semua pihak dalam menjayakan perancangan Program Familiarization Visit For Diplomatic Corp dapat diteruskan pada masa akan datang apabila tiba masanya program ini dilaksanakan.

